

# Seri Paduka tunai ibadah haji, pesan Anwar jaga negara

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berpesan kepada Perdana Menteri supaya menjaga negara sebelum berangkat menunaikan haji, semalam.

Turut berangkat ke Tanah Suci, Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah. Seri Paduka berdua dijadual berada di Tanah Suci dari 21 Jun hingga 2 Julai ini.

Turut mengiringi, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Majlis keberangkatan Seri Paduka berdua yang diadakan di Istana Negara, dihadiri Yang Di-pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Rustam; Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah



*Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah pada majlis sebelum keberangkatan ke Tanah Suci di Istana Negara, semalam. Yang turut hadir Anwar dan Mohd Ali. (Foto BERNAMA)*

Wan Ismail.

Turut hadir, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang; Ketua Polis Negara, Tan Sri Aeryl Sani Abdul-

lah Sani dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Pada majlis itu, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Prof Madya Dr Luqman Abdullah memim-

pin bacaan doa, disusuli laungan azan oleh Pembantu Hal Ehwal Islam Istana Negara, Mohd Mustafidurrohman Mohd Syahroni.

Sementara itu, Anwar dalam

hantaran di Facebook rasminya, mendoakan urusan Seri Paduka berdua di dipermudahkan dan memperoleh haji mabrur.

BERNAMA